

12/04/2000

Peraturan tambahan tidak perlu: Abdullah

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Peraturan tambahan tidak perlu dimasukkan ke dalam kod etika perilaku bagi membanteras penyalahgunaan kuasa, rasuah dan politik wang menjelang pemilihan pucuk pimpinan tertinggi Umno bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini kerana kod etika itu sudah lengkap, menjurus kepada usaha menangani politik wang dan merangkumi semua pihak yang terbabit dalam pemilihan.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden itu berkata, kod etika berkenaan yang dirangka jawatankuasa itu dan diluluskan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) 3 Februari lalu turut merangkumi ejen calon.

"Kita tak tambah lagi dah... cukuplah setakat itu. Kalau ada apa-apa pengalaman baru yang kita hadapi dalam pemilihan MT pada kali ini, Insya-Allah kita akan baiki lagi (kod) etika ini pada masa depan katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyampaikan ucapan Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak Perniagaan Asean 2000, di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas saranan beberapa pemimpin Umno yang menyarankan supaya MT menggariskan peraturan lebih khusus berhubung kempen pemilihan supaya ia turut merangkumi anggota perwakilan dan ejen calon.

Calon Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dipetik sebagai berkata pucuk pimpinan Umno perlu membuat arahan lebih khusus terutama bagi membanteras gejala politik wang.

Abdullah berkata, kod etika itu memang banyak hubung kaitnya dengan politik wang dan disenaraikan satu persatu kesalahan bagi calon, perwakilan atau ejen mereka, yang terbabit dalam gejala tidak sihat itu.

"Kita bersetuju mengenai etika ini dan kita sudah sama-sama memahami bahawa kita perlu patuhi. Etika itu menjadi panduan kepada semua yang terbabit dalam pemilihan ini iaitu perkara yang membabitkan politik wang.

"Boleh dikatakan semua perkara yang disenaraikan satu demi satu itu, ada hubung kait dengan politik wang. Kod ini kalau dibaca, dihalusi, ia juga membabitkan pihak yang bukan calon termasuk ejen mereka. Ia menyeluruh dan membabitkan semua pihak," katanya.

Bagaimanapun katanya, memang menjadi kebiasaan bahawa ada pihak yang tidak puas hati, termasuk kemungkinan untuk menarik perhatian dalam kempen menjelang pemilihan meskipun kod etika itu boleh dianggap agak lengkap.

"Memang begitulah. Macam-macam niat dan tujuan orang yang menimbulkan perkara setelah semuanya selesai. Ini seperti rumah siap, pahat masih berbunyi. Kalau tak dapat (sesuatu)... mereka komplek. Mereka ini akan menyalahkan orang lain, bukan dia salah," katanya.

Abdullah juga berkata, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno tidak menerima sebarang aduan berkaitan pelanggaran kod etika itu menjelang pemilihan bulan depan.

Kod etika itu antara lain melarang seseorang calon atau ejen mereka daripada:

- \* membeli undi atau pencalonan; memberi hadiah kepada perwakilan; menganjurkan atau membiayai kos perjalanan, pengangkutan, penginapan serta makanan; mengeluarkan derma atau bantuan kepada perwakilan dan menganjurkan sebarang perhimpunan, pertemuan serta jamuan yang membabitkan

perwakilan.

Perwakilan bahagian atau cawangan pula tidak boleh: menerima atau meminta sebarang bentuk derma, sumber dan penganjuran daripada calon atau wakilnya serta tidak boleh menganjurkan pertemuan perwakilan dengan seseorang atau sebilangan calon.

Mana-mana calon yang cuba melanggar kod etika itu, jika didapati bersalah, akan hilang kelayakan bertanding. Kod etika itu sudah diedarkan MT kepada semua 165 bahagian Umno Februari lalu.

(END)